

13/12/2000

Shuib letak jawatan Ketua Penerangan Kubang Pasu

ALOR STAR, Selasa - Ketua Penerangan Umno Kubang, Pasu Datuk Shuib Endut meletakkan jawatannya dengan alasan untuk memberi peluang kepada pemimpin muda.

Beliau menyifatkan keputusan itu tepat pada masanya selepas memegang jawatan berkenaan selama enam tahun.

Bekas senator berusia 61 tahun itu berkata, surat perletakan jawatan yang berkuat kuasa 20 November lalu dihantar kepada Ketua Bahagian, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya hantar surat berkenaan kepada Perdana Menteri yang juga ketua bahagian Umno Kubang Pasu," katanya.

Shuib berkata, beliau menghantar surat itu kepada Perdana Menteri kerana jawatannya dilantik oleh ketua bahagian.

Bagaimanapun, beliau akan terus aktif, terutama pada peringkat bahagian kerana masih Ahli Jawatankuasa Bahagian.

Bagaimanapun, setiausaha bahagian, Wan Abdul Halim Wan Hamid mendakwa tidak mengetahui peletakan jawatan Shuib.

(END)